

Utusan Malaysia - Negara Berisiko Hilang Hasil RM416.6b

 Isnin, Mac 12 2018

Negara berisiko hilang hasil RM416.6b

12/3 UTUJAN

KUALA LUMPUR 11 Mac - Malaysia akan kehilangan hasil negara sebanyak RM416.6 bilion jika cukai barang dan perkhidmatan (GST), tol, duti eksais dan pinjaman perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah (**gambar**) berkata, perkara itu juga akan menyebabkan hutang negara semakin meningkat sekali gus menggugat kestabilan ekonomi Malaysia.

Katanya, pemansuhan GST akan menyebabkan kehilangan sebanyak RM45 bilion kepada pendapatan negara, manakala tol sebanyak RM338 bilion, duti eksais (RM2.4 bilion) dan PTPTN (RM3.9 bilion).

"GST tidak diperkenalkan begitu sahaja kita sudah melakukan kajian bertahun-tahun, 160 negara di dunia ini juga telah melaksanakan GST dengan pelbagai peratusan dikenakan tetapi di Malaysia hanya enam peratus dan ia dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan keadaan ekonomi dan rakyat. Malah, lebih 500 barangan asas seperti beras, gula, sayuran

tidak dikenakan GST.

"Jadi GST di Malaysia adalah berbeza daripada GST di negara lain seperti di India yang mengenakan lima sehingga 28 peratus pada kadar yang berubah-ubah," katanya dalam satu sesi temu bual khas bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan di Sri Pentas, Bandar Utama, hari ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Irwan Serigar berkata, sekiranya GST dimansuhkan dan digantikan semula dengan cukai jualan dan perkhidmatan (SST), negara hanya mampu memperoleh kutipan sebanyak RM18 bilion sahaja.

"Walaupun kita memperkenalkan balik SST, kita hanya dapat RM18 bilion kutipan. Jadi baki RM27 bilion lagi mana kita nak cari? Malah, pemansuhan GST juga tidak akan membawa sebarang perubahan pada harga barangan," ujarnya.

Menurut beliau, pelaksanaan GST dianggap tepat pada masanya ketika harga pasaran minyak dunia turun mendadak mengakibatkan negara kehilangan sumber pendapatan yang tinggi namun berjaya diimbangi oleh pelaksanaan cukai tersebut.



